

# BAB



## PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN KAYU

### 7.1 PENGENALAN

Kayu digunakan secara tradisional oleh masyarakat dahulu kebanyakannya dalam bentuk papan (*lumber*). Penghasilan pelbagai produk kayu secara besar-besaran telah memasuki pasaran pada masa kini bagi memenuhi permintaan yang tinggi di dalam bidang pembinaan. Kebanyakan produk kayu yang biasa digunakan dikelaskan kepada tiga kumpulan iaitu: panel produk, kayu kapoh (*glulam*) dan struktur komponen pembuatan/pembinaan. Jadual 7.1 menunjukkan nama-nama kayu yang sesuai untuk pembinaan bahagian-bahagian bangunan.

Jadual 7.1: Nama-Nama Kayu yang Sesuai untuk Bahagian Bangunan

BAHAGIAN BANGUNAN	KAYU YANG POPULAR DIGUNAKAN*	PILIHAN LAIN
Asas cerucuk	Bakau, Kempas(R), Keruing(R)	Dungun, Pelawan, Petalin(R), Tempinis
Tiang, rasuk, gelegar, kasau, kuda-kuda, bumbung	Balau, Balau Merah, Cengal, Kapur(R), Kasai(R), Kelat(R), Kempas(R), Keruing(R), Kulim(R), Mata Ulat(R), Merawan(R), Meranti Merah Tua(R), Puhah(R), Resak, Simpoh(R), Tualang(R), Tembusu	Mempening(R), Meransi(R), Merbatu(R), Mertas(R), Pasak(R), Penaga, Petaling(R), Tapus(R)

BAHAGIAN BANGUNAN	KAYU YANG POPULAR DIGUNAKAN*	PILIHAN LAIN
Rangka pintu dan tingkap	Durian, Kapur, Kasai, Kedondong, Kelat, Keruing, Kulim, Medang, Mengkulang, Meranti Kuning, Meranti Merah Muda, Meranti Merah Tua, Meranti Putih, Mersawa, Nyatoh, Pudah, Ramin, Sepetir, Simpoh	Bayur, Nyatoh, Kuning, Pasak, Pelaju, Samak, Senumpul
Ibu tangga	Kapur, Keledang, Keruing, Melunak, Ramin, Simpoh	Bekak, Berangan, Derum, Kamap, Kandis, Kayu Malam, Lilin, Mempening, Meransi, Pasak, Pelaju, Petaling, Samak, Senumpul
Anak tangga	Kapur, Mengkulang, Meranti Merah Tua, Meranti Putih, Merawan Ramin Simpoh.	Bekak, Derum, Kamap, Ketapang, Nyatoh Kuning, Pasak, Pelaju, Petaling, Samak, Senumpul
Susur tangga	Mengkulang, Meranti Kuning, Meranti Merah Muda, Meranti Merah Tua, Merawan, Nyatoh, Ramin	Bayur, Bekak, Cempaka, Dedali, Jenitri, Ketapang, Pelaju, Podo, Samak, Sentang, senumpul, Surian Batu